



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JP.BBT.207/6/703/2/4 (1)
Tarikh : 13 November 2018

Kepada sesiapa yang berkenaan.

Tuan.

MAKLUMAN PROSEDUR PEMULANGAN BAKI PEMBAYARAN DEPOSIT IMPORT PERMIT TUMBUHAN PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL OLEH JABATAN PERTANIAN (JPK)

Merujuk kepada surat bernombor rujukan MAQIS 100-11/2/2 (57) dan bertarikh 16 Ogos 2018 : Pengeluaran Import Permit Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal oleh Jabatan Pertanian (JPK) telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia berkuatkuasa 1 November 2018 adalah berkaitan.

2. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Pertanian akan mengemaskini semua akaun pembayaran deposit oleh syarikat pemohon bermula 1 November 2018. Pemulangan baki pembayaran deposit akan dibuat berdasarkan laporan pengemaskinian akaun syarikat permohonan. Proses pengemaskinian akaun syarikat permohonan akan dijalankan sehingga 31 Mei 2019 iaitu selama 6 bulan.

3. Sehubungan dengan itu, syarikat pemohon dinasihatkan untuk menghantar surat permohonan pemulangan baki pembayaran deposit kepada :

Pengarah,
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan,
Jabatan Pertanian Malaysia,
Aras 1, Wisma Tani,
Jalan Sultan Salahuddin,
50632 Kuala Lumpur.
(U/P : Unit Pentadbiran)

4. Dukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pertanian tidak dapat membuat pemulangan baki pembayaran deposit bagi mana – mana syarikat pemohon yang tidak menghantar surat permohonan pemulangan baki pembayaran deposit dan tidak berdaftar dengan e-vendor. Prosedur pemulangan baki pembayaran deposit adalah seperti di Lampiran 1.

Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab



Sekiranya tuan memerlukan maklumat atau penjelasan lebih lanjut, sila hubungi En Faizal bin Bakar 03 – 2030 1500 / Pn Mariati Omar 03 – 2030 1446 untuk baki pembayaran deposit dan Pn Hasmahani Hashim 03 – 2030 1443 untuk pemulangan baki pembayaran deposit.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,





(AHMAD KAMIL MOHD YUNUS)

Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
b.p Ketua Pengarah Pertanian

s.k. :

1. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
2. Ketua Pengarah Pertanian
3. Ketua Pengarah,
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
No. Faks : 03 – 8888 4855
4. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Operasi)
5. Timbalan Pengarah, Kawalan Import & Penguatkuasaan Akta
6. Timbalan Pengarah, Khidmat Diagnostik & Kepakaran Perosak
7. Timbalan Pengarah, Seksyen Akreditasi dan Fasiliti Eksport
8. Timbalan Pengarah, Pengurusan Perosak Tumbuhan
9. Timbalan Pengarah, Koleksi & Repositori Perosak
10. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Perlis
11. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Kedah
12. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Pulau Pinang
13. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Perak
14. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Selangor
15. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri Sembilan
16. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Melaka
17. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Johor
18. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Pahang
19. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Terengganu
20. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Kelantan
21. K/U Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Wilayah Persekutuan Labuan





JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[*Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)*]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8000 8000 / 03-8870 1000

Faks : 03-8888 6904 / 03-8888 4855

Portal : [http :// www.maqis.gov.my](http://www.maqis.gov.my)

Ruj. Kami : MAQIS 100-11/2/2(57)
Tarikh : 16 Ogos 2018

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

MAKLUMAN TARIKH PENGAMBILALIHAN PENGELUARAN PERMIT IMPORT KOMODITI PERTANIAN DARIPADA JABATAN PERTANIAN (DOA) KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Dengan segala hormatnya dimaklumkan.

2. Mulai **1 November 2018 (Khamis)**, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan mengeluarkan permit import JPK DOA.

3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan adalah dipohon memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- i) Permohonan yang lengkap akan diproses dalam masa lima (5) hari bekerja;
- ii) Sebarang penambahan item baharu perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian Malaysia terlebih dahulu;
- iii) Permit import yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia pada tarikh **31 Oktober 2018** masih boleh diterima pakai bagi pelepasan konsainan di pintu masuk sehingga **31 Januari 2019**;
- iv) Mulai **1 Februari 2019 (Jumaat)**, hanya permit import yang dikeluarkan oleh MAQIS sahaja yang diterima pakai bagi pelepasan konsainan di pintu masuk; dan
- v) Bayaran permohonan permit import melalui MAQIS perlu dibuat secara atas talian (*online*).

4. Sebarang pertanyaan dan aduan, tuan/puan boleh kemukakan melalui emel feedback@maqis.gov.my.

Ruj. Kami : MAQIS 100-11/2/2()
Tarikh : 16 Ogos 2018

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(CHE AN BINTI MOHD JONED)

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

s.k. :

- i) Ketua Pengarah Pertanian
- ii) Pengurus Projek DNT